


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 OGOS 2016  
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	HASIL MPPG DIJANGKA MENINGKAT	2



# SINAR HARIAN

SH 19/8/16

## Hasil MPPG dijangka meningkat

**PASIR GUDANG** – Jumlah kutipan hasil Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dijangka meningkat pada tahun hadapan sekiranya Undang-Undang Kecil Lesen Penyimpanan Cecair dapat diwartakan seperti yang disasarkan untuk tahun 2017.

Yang Dipertua, Hasrin Kamal Hashim berkata, ia selaras dengan saranan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang menggesa pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kreatif dalam mencari hasil baharu agar tidak bergantung kepada cukai harta semata-mata.

Menurutnya, undang-undang kecil perlesenan untuk industri petroleum di negeri ini hanya dilaksanakan di kawasan pentadbiran PBT di Kota Tinggi baru-baru ini sedangkan ia telah lama dibuat di Terengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak.

"Kerajaan negeri dah luluskan dan kita sasarkan ia akan diwartakan pada tahun depan membabitkan kawasan perindustrian di Tanjung Langsat, Pelabuhan Johor dan Felda dalam pentadbiran MPPG.

"Sekiranya dapat dilaksanakan pada tahun depan, MPPG akan memperoleh hasil baharu yang dijangka mampu menampung kos perkhidmatan dan sebagainya," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penilaian PBT Negeri Johor di Menara Aqabah, di sini, semalam.

Hasrin Kamal berkata, usaha mencari hasil baharu itu dibuat berikutan semua PBT berdepan masalah tunggakan pembayaran cukai harta yang semakin meningkat.

Menurutnya, sebanyak 40 peratus daripada lebih kurang 40,000 pegangan perumahan dalam kawasan pentadbiran MPPG berdepan masalah tunggakan berbanding pegangan industri.

"Pelbagai usaha telah kita laksanakan untuk menangani masalah tunggakan termasuk memperuntukkan sebanyak RM80,000 untuk hadiah cabutan bertuah pada setiap tahun," katanya.

